

Periuk pengacau automatik mudahkan masak daging

BH (INOVASI) 5/9/2017 (SELASA) M/S : 5

[FOTO NAUFAL SHAMSUDDIN/BH]



Daing Nasir melihat periuk dilengkapi alat pengacau automatik hasil ciptaan pensyarah dan kakitangan FTEK pada Program Ibadah Korban dan Aqiqah UMP di Kuantan, semalam.

Kuantan: Program ibadat korban sembilan ekor lembu dan aktiviti memasak di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kali ini diperludahkan menerusi inovasi ciptaan periuk dilengkapi alat pengacau automatik.

Program bermula seawal jam 8 pagi itu membabitkan lebih 80 sukarelawan merangkumi staf dan pelajar UMP yang menyembelih, melapah, menimbang, mengagih daging dan memasak.

Kira-kira 100 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) bergotong-royong menjayakan Program Ibadah Korban dan Aqiqah UMP se-rentak di kedua-dua kampus di Pekan dan Gambang di sini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata periuk berkenaan adalah hasil ino-

vasi pensyarah dan kakitangan Fa-kulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) diketuai Dekannya, Prof Da-tuk Dr Zularisam Abd Wahid.

Daing Nasir berkata, inovasi itu mampu mengurangkan pengguna-an tenaga kerja dan mempercepatkan proses memasak.

Reka bentuk lebih fleksibel

"Kami harap kumpulan ini dapat menghasilkan reka bentuk lebih fleksibel dan menambah baik kua-liti serta boleh diperkenalkan ke-pada masyarakat terutama dalam kalangan pengusaha makanan atau industri berkaitan," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, inovasi sedemikian dapat meningkatkan kecekapan dalam menyediakan juadah berskala besar.